

Oleh ZAIDI ISMAIL

Dua Jua dalam Semarak Bahasa

DBP Malaysia akan bekerjasama dengan DBPMT dalam menyediakan keperluan-keperluan tertentu, seperti keperluan kursus bahasa dan persuratan Melayu secara berperingkat untuk membina jurulatih bahasa dan persuratan Melayu agar DBPMT dapat mengembangkan kegiatan bahasa dan persuratan Melayu ke seluruh negara Thailand.

Khamis, 22 Mei 2014, kembara Semarak Bahasa diteruskan pula ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla, 35 kilometer dari Hatyai. Sebaik tiba di pusat bandar Songkla sekitar pukul 7.45 pagi, kami terlebih dahulu singgah di restoran Muslim untuk sarapan. Sebagaimana restoran Muslim yang pernah disinggahi sebelum ini, pemiliknya juga boleh berbahasa Melayu.

Setelah selesai sarapan, kami terus ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia yang terletak hanya beberapa kilometer dari situ. Kami tiba sekitar pukul 8.30 pagi untuk meneruskan misi kembara, iaitu menjalin kerjasama bahasa dan persuratan Melayu dengan Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla dan Dewan Bahasa dan Pustaka Melayu Thailand (DBPMT).

Di Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia kami telah diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara dengan DBPMT dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia. Majlis tersebut merupakan majlis yang amat bermakna dalam mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara dua institusi atau badan yang berperanan dalam pembinaan dan pengembangan bahasa dan persuratan Melayu. DBPMT yang beralamat di Southern Border Province Administrative Centre (SBPAC), No. 60



Dari Hatyai ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla.

Sukayang Road, Sateng, Muang Yala, 95000 Thailand merupakan sebuah badan bahasa dan persuratan Melayu di selatan Thailand yang dirasmikan penubuhannya oleh Menteri Pendidikan Thailand, pada 12 Oktober 2013.

Dengan adanya keterlibatan Kementerian Pendidikan Thailand itu menunjukkan bahawa DBPMT merupakan antara institusi yang penting di Thailand.



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara DBPMT dengan DBP Malaysia.

Melalui pertemuan dan jalinan kerjasama yang telah terjalin secara rasmi pada 22 Mei 2014 itu, DBP Malaysia dan DBPMT dapat bergerak bersama-sama untuk mengembang dan menyebarkan bahasa dan persuratan Melayu di Selatan Thailand khususnya.

Untuk tujuan tersebut, DBP Malaysia akan bekerjasama dengan DBPMT dalam menyediakan keperluan-keperluan tertentu, seperti keperluan kursus bahasa dan persuratan Melayu secara

berperingkat untuk membina jurulatih bahasa dan persuratan Melayu agar DBPMT dapat mengembangkan kegiatan bahasa dan persuratan Melayu ke seluruh negara Thailand.

Selain itu, DBP Malaysia juga akan bekerjasama dalam urusan penyelidikan, penerbitan dan kegiatan kebahasaan yang lain untuk memperkukuh kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang besar di Asia Tenggara. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, kedua-dua belah pihak bersetuju melaksanakan fasal-fasal seperti yang berikut:



Dr. Hamidin Sano, Pengerusi DBPMT, Mohd. Faizal Razali, Konsul Jeneral Malaysia, di Songkhla, Thailand dan Datuk Dr. Awang Sariyan, Ketua Pengarah DBP Malaysia.

FASAL I

DBP Malaysia dengan kerjasama DBPMT akan menyediakan keperluan kursus bahasa dan persuratan Melayu untuk membina jurulatih bahasa dan persuratan Melayu agar DBPMT dapat mengembangkan kegiatan bahasa dan persuratan Melayu ke seluruh negara Thailand.

FASAL II

DBP Malaysia juga akan bekerjasama dalam urusan penyelidikan, penerbitan dan kegiatan kebahasaan yang lain untuk memperkukuh kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa yang besar di Asia Tenggara.

FASAL III

DBPMT akan membantu mempamerkan dan mempromosikan bahan terbitan DBP Malaysia semasa berlangsungnya kegiatan bahasa dan persuratan Melayu, seperti pameran, kursus dan seminar.

FASAL IV

DBPMT dan DBP Malaysia akan berunding dan bekerjasama dalam setiap kegiatan yang dirancang untuk menentukan setiap perkara yang melibatkan tugas, tempoh program dan aktiviti, anggaran perbelanjaan dan sebagainya bagi persetujuan bersama agar dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan seperti yang dikehendaki. Ikatan kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut termeterai secara rasmi apabila memorandum persefahaman itu ditandatangani oleh Dr. Hamidin Sano, Pengerusi DBPMT dan Datuk Dr. Haji Awang Sariyan, Ketua Pengarah DBP Malaysia; dan serta disaksikan oleh Mohd. Faizal Razali, Konsul Jeneral Malaysia, di Songkhla, Thailand.

Bahasa Melayu di Thailand perlu diperkukuh kerana bahasa ini merupakan bahasa perpaduan, bahasa persaudaraan dan bahasa ilmu, terutamanya bagi masyarakat di Thailand selatan. Usaha-usaha perlu diteruskan agar bahasa Melayu dapat terus berkembang dan semua pihak akan mendapat manfaatnya.

Melalui penandatanganan memorandum persefahaman ini, Datuk Dr. Awang Sariyan berharap, langkah tersebut akan menjadi mercu tanda ke arah mengeratkan lagi jalinan kerjasama untuk program selanjutnya. Hal ini disambut baik Haji Suhaimi Ismail, Pengarah DBPMT yang menyatakan bahawa penduduk di Thailand selatan sentiasa berminat untuk mempelajari bahasa Melayu dan bercita-cita untuk

menjadikannya sebagai bahasa *lingua franca*.

Hal ini juga sama seperti yang dijelaskan oleh Mohd. Faizal Razali, Konsul Jeneral Malaysia, di Songkhla, yang menyatakan bahawa bahasa Melayu semakin diminati dan diberikan keutamaan oleh kerajaan Thailand. Usaha-usaha telah dibuat untuk memantapkan kedudukan bahasa Melayu dari peringkat prasekolah hinggalah universiti.

Di Thailand, bahasa Melayu secara tidak langsung telah menjadi bahasa penghubung antara rakyat Thailand dengan rakyat Malaysia, termasuk juga warga serantau. Bahasa Melayu di Thailand perlu diperkukuh kerana bahasa ini merupakan bahasa perpaduan, bahasa persaudaraan dan bahasa ilmu, terutamanya bagi masyarakat di Thailand selatan. Usaha-usaha perlu diteruskan agar bahasa Melayu dapat terus berkembang dan semua pihak akan mendapat manfaatnya.

Kini, di Thailand, industri halal makin maju dan berkembang. Semakin banyak yang berminat untuk ikut serta dalam industri tersebut, termasuklah usahawan dari Malaysia. Bahasa Melayu khususnya boleh memainkan peranan serta terlibat secara langsung dalam industri halal tersebut.

Penggunaan bahasa Melayu di wilayah Thailand selatan sedang melalui proses kematangan, terutamanya dalam bidang perniagaan dan perdagangan yang melibatkan negara-negara serantau. Dengan adanya perjanjian persefahaman antara DBP Malaysia dengan DBPMT maka adalah menjadi harapan agar bahasa Melayu diperkasakan sebagai bahasa utama di samping bahasa Thailand dalam kalangan masyarakat Melayu di Thailand selatan.

Setelah selesai majlis tersebut, kembara Semarak Bahasa diteruskan lagi ke Nakhon Si Thammarat, 185 kilometer dari Songkhla untuk penelitian dan penggambaran seterusnya. Semasa dalam perjalanan itulah, Thailand diisytiharkan darurat dan bermulanya perintah berkurung dari pukul 10.00 malam hingga 5.00 pagi. **DB**



Anggota perwakilan dari DBPMT dan DBP Malaysia.